

29/08/1997

Umno gugur perkataan `Baru'

KUALA LUMPUR, Khamis - Perhimpunan Agung Umno minggu depan akan memperuntukkan sesi khas untuk menggugurkan perkataan `baru' supaya parti itu dikenali sebagai Umno, seperti asalnya.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata mesyuarat khas itu akan diadakan pada hari pertama perhimpunan 5 September ini.

Keputusan mesyuarat khas itu akan dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan.

Cadangan menggugurkan perkataan `baru' daripada nama Umno diperkatakan semula awal tahun ini apabila Sabbaruddin menyatakan permohonan membuang perkataan `baru' itu akan dilakukan jika dipersetujui Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"Sesi khas itu perlu diadakan. Selepas mendapat pandangan Pejabat Pendaftar Pertubuhan, Umno dinasihatkan membawa cadangan itu ke Perhimpunan Agung untuk mendapat persetujuan sebelum dikemukakan semula kepada pejabat itu," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Mimos Berhad dan Putrade Property Management Sdn Bhd hari ini.

Sementara itu, tiga usul - ucapan dasar Presiden, ekonomi yang meliputi sosial dan pendidikan serta usul agama - akan dibincangkan sepanjang perhimpunan agung tiga hari itu.

Sebelum perhimpunan agung, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui perwakilan pada petang 3 September di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Semua ketua bahagian, timbalan ketua bahagian, naib ketua bahagian, Ketua Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita, setiausaha, bendahari dan ketua penerangan dari 165 bahagian Umno akan hadir.

Persidangan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita pula akan diadakan pada 4 September. Ia akan dirasmikan oleh Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Dari segi persediaan, hampir semua sudah disiapkan, termasuk usul... tinggal lagi nak mengemaskinikan saja," katanya.

(END)